



Khamis, 2 Jun 2016

1. Kementerian Kesihatan audit pengamal kesihatan swasta

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan sedang mencari formula terbaik ke arah mentransformasi perkhidmatan kesihatan hospital swasta di seluruh negara.

Ia berikutan pesakit terpaksa membayar caj perkhidmatan mahal dan berbeza mengikut kepakaran pengamal.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata sehubungan itu, beliau mencadangkan kementerian melaksanakan sistem audit di hospital swasta sama seperti dilaksanakan di hospital kerajaan ketika ini.

"Pelaksanaan sistem audit berupaya memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik supaya pesakit mampu bayar dan memperoleh harga perkhidmatan munasabah," katanya.

Katanya, langkah itu juga dapat mengawal kadar caj yang dikenakan kepada pesakit.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa Hospital Swasta (APHM), di sini, hari ini.



Jumaat, 3 Jun 2016

2. Pembantu penyelidik MPOB dituduh rasuah

SEREMBAN: Seorang pembantu penyelidik di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini, hari ini terhadap pertuduhan menawar dan memberi suapan wang tunai RM60,000, tiga tahun lalu.

Mohd Azhar Mohd Arif, 50, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Fathiyah Idris.

Bagi pertuduhan pertama, Mohd Azhar didakwa menawarkan suapan wang tunai RM50,000 kepada seorang penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai dorongan untuk menutup dan menyelesaikan siasatan ke atas dirinya yang berkaitan dengan pengesahan palsu dalam Borang Pemeriksaan Kebun MPOB dan penyelewengan Skim Tanaman Semula Sawit di Felda Raja Alias, Jempol.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Hotel The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban di antara 29 Mei 2013 dan 19 Jun 2013.

Bagi pertuduhan kedua pula, Mohd Azhar didakwa memberi suapan wang tunai RM10,000 kepada penguasa itu bagi tujuan sama di tempat sama pada 4.15 petang, 19 Jun 2013.

Kedua-dua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda dari nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Nurdiyanah Mohd Nawawi mencadangkan mahkamah menetapkan wang jaminan sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan.

Bagaimanapun, Mohd Azhar yang diwakili peguam Eddin Syazlee Shith memohon wang jaminan minimum dikenakan kerana perlu menanggung isteri dan seorang anak, selain tidak mampu membayar wang jaminan yang tinggi.

Hakim Fathiyah kemudian menetapkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan 22 Julai ini bagi sebutan semula kes.



2 Jun 2016

3. Wanita didakwa pecah amanah RM23,100 hasil jualan tiket



SITI Nurul Asyikin (kiri) dibawa keluar dari mahkamah selepas didakwa melakukan pecah amanah dan menyalahgunakan hasil jualan tiket. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber

AYER KEROH: Seorang bekas pembantu kewangan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, terhadap 19 pertuduhan pecah amanah membabitkan hasil jualan tiket berjumlah RM23,100 dari Januari hingga Disember tahun lalu.

Tertuduh Siti Nurul Asyikin Abdul Nasir, 31, dari Taman Indah Seksyen 3, Padang Jambu, Melaka, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan pecah amanah dengan menyalahgunakan hasil jualan tiket Muzium Samudera pada 25 Januari 2015 berjumlah RM1,000; 1 Februari 2015 (RM1,000); 7 Februari 2015 (RM2,000); 9 Februari 2015 (RM2,000); 23 Mei 2015 (RM300); 24 Mei 2015 (RM300); 8 Ogos 2015 (RM1,000); 9 Ogos 2015 (RM1,000); 15 Ogos 2015 (RM1,000) dan 16 Ogos 2015 (RM1,000).

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama di tempat sama pada 29 Ogos 2015, berjumlah RM1,000; 30 Ogos 2015 (RM1,000); 31 Ogos 2015 (RM1,000); 5 September 2015 (RM1,000); 6 September 2015 (RM1,000); 23 November 2015 (RM1,000); 26 November 2015 (RM1,000); 25 Disember 2015 (RM5,000) dan 29 Disember 2015 (RM500).

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun sehingga 20 tahun, sebat dan denda.

Timbalan Pendakwa Raya, Ifa Sirrhu Samsudin, mencadangkan mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM70,000 bagi semua pertuduhan.

Bagaimanapun, tertuduh yang diwakili peguam Haslinda Abu Bakar memohon mahkamah memberikan jaminan lebih rendah dengan alasan tertuduh turut menanggung lima anak tiri bersama suaminya dan baru menjalani pembedahan Januari lalu.

Selepas mendengar rayuan kedua-dua pihak, Meor Sulaiman membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 1 Julai ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

4. Isu terowong dasar laut, PCM buat laporan SPRM



CHENG Guan (tengah) membuat sidang media selepas menyerahkan laporan berhubung isu pembinaan terowong dasar laut di pejabat SPRM Pulau Pinang, hari ini. - Foto Ramdzan Masiam

GEORGETOWN: Parti Cinta Malaysia (PCM) membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu pembinaan terowong dasar laut.

Laporan itu diserahkan oleh Presidennya, Datuk Huan Cheng Guan di Pejabat SPRM Pulau Pinang di sini, tengah hari tadi.

Cheng Guan berkata, pihaknya mengemukakan beberapa perkara penting mengenai perincian pembayaran bagi tiga kajian pelaksanaan projek mega itu yang didakwa mengandungi unsur mencurigakan.

"Pengakuan EXCO Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan Awam negeri, Lim Hock Seng mengenai kos keseluruhan RM305 juta yang diperuntukkan bagi kajian projek terowong dasar laut itu bertentangan dengan garis panduan dalam Akta Kejuruteraan 1967.

"Jumlah itu adalah lima kali ganda lebih tinggi berbanding yang sudah ditetapkan akta berkenaan," katanya.

Rabu lalu, Hock Seng, mendedahkan kos RM305 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek terowong dasar laut dan tiga jalan utama itu tidak termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci (DEIA).

Sebaliknya sebanyak RM96.2 juta diperuntukkan bagi Kajian Kebolehlaksanaan dan Reka Bentuk Terperinci bagi projek terowong dasar laut, manakala kos RM208.6 juta bagi dua kajian sama untuk pembinaan tiga jalan utama.

Pada 9 Mei lalu, Hock Seng bagaimanapun menjelaskan kos RM305 juta itu diperuntukkan bagi Kajian Kebolehlaksanaan, Reka Bentuk Terperinci dan DEIA bagi pembinaan terowong dasar laut dan tiga laluan utama itu.



Selasa, 7 Jun 2016



Datuk Irmohizam Ibrahim.

5. SPRM perlu pandang serius dakwaan rasuah kerajaan Selangor – Irmohizam

SHAH ALAM: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu memandang serius laporan dibuat Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli berhubung dakwaan rasuah dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor, kata Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Irmohizam Ibrahim.

Beliau berkata, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan tidak akan sewenang-wenangnya mengemukakan sebarang laporan tanpa bukti, lebih-lebih lagi melibatkan dakwaan salah laku dalam pentadbiran kerajaan negeri yang diterajui oleh parti beliau sendiri iaitu PKR.

"Laporan yang dibuat beliau ini menunjukkan beliau yakin benar wujud bukti dan asas berdasarkan tuduhan beliau ini kerana ia dibuat oleh beliau terhadap kerajaan yang diterajui oleh parti beliau sendiri iaitu PKR," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada bulan lepas, Rafizi membuat laporan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya berhubung dakwaan salah laku pentadbiran kerajaan negeri Selangor selain mengemukakan maklumat dan bukti serta individu-individu yang didakwa terlibat.

Baru-baru ini, beberapa portal berita melaporkan kononnya terdapat amalan rasuah dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor.

Laporan itu dibuat berikutan pendedahan perbualan aplikasi WhatsApp Rafizi yang didakwa mendedahkan wujud permintaan 'untuk mendapatkan wanita' sebagai habuan dalam urusan dengan kerajaan negeri.

Rafizi dalam perbualan itu didakwa mengatakan menerima aduan bahawa selain wang yang diminta untuk berurusan dengan kerajaan negeri, terdapat juga permintaan bagi mendapatkan wanita.

Mengulas lanjut, Irmohizam berkata permintaan wang dan wanita untuk berurusan dengan kerajaan negeri adalah kesalahan serius dan sekiranya dakwaan itu benar, semua bukti harus diberikan secara telus termasuk menamakan saksi-saksi kepada SPRM bagi melicinkan siasatan.

"Sesuatu pentadbiran itu seharusnya tidak wujud unsur salah laku rasuah sekiranya benar-benar mengamalkan integriti dan mementingkan ketelusan," katanya



Selasa, 7 Jun 2016

6. Kerajaan komited pastikan hutang tak lebih 55 peratus KDNK

KUALA LUMPUR: Kerajaan komited untuk memastikan kedudukan hutang tidak melebihi paras berhemat 55 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Menurut Kementerian Kewangan dalam kenyataan hari ini, artikel yang disiarkan oleh Nikkei Asian Review pada 3 Jun 2016 berkaitan kedudukan hutang negara didapati tidak berasas.

"Hingga akhir 2015, hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi hutang domestik dan hutang luar pesisir mencatat RM630.5 bilion atau 54.5 peratus daripada KDNK.

"Daripada jumlah ini, 97 peratus adalah hutang domestik manakala bakinya adalah hutang luar pesisir. Oleh itu, pendedahan terhadap risiko pertukaran mata wang asing adalah rendah," katanya.

Katanya, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan dijangka terus berkurangan kepada sekitar 53 peratus daripada KDNK pada tahun ini berikutan langkah pengukuhan fiskal yang berterusan dan

pindahan sebahagian hutang berkaitan skim pinjaman perumahan penjawat awam kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

Menurut kementerian itu, kerajaan juga akan sentiasa memastikan keperluan pembiayaan dan obligasi bayaran khidmat hutang dilaksanakan pada kos yang minimum.

"Defisit Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 mencatat 3.2 peratus daripada KDNK dan dijangka terus berkurangan kepada 3.1 peratus pada tahun 2016.

"Selain mengurangkan paras defisit secara berperingkat, langkah konsolidasi fiskal akan turut mengurangkan paras hutang. Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal bagi mencapai bajet berimbang pada tahun 2020," katanya



Rabu, 8 Jun 2016

7. Langkah Moody's tak babit penurunan penarafan - 1MDB

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menegaskan langkah Moody's Investors Service menarik balik penarafan "Aa2" terhadap nota tidak bercagar senior 5.99 peratus AS\$1.75 bilion yang diterbitkan unitnya, 1MDB Energy Limited, dilaksanakan tanpa penurunan dalam penarafan kredit.

Malah bon itu, jelasnya, akan terus mendapat manfaat daripada penarafan "AA" daripada firma penarafan, Standard & Poor's.

Syarikat pembangunan strategik kerajaan itu juga menegaskan, bahawa kedudukan kecairannya kukuh dan syarikat kekal fokus melaksanakan pelan penstrukturan semulanya yang berjaya.

1MDB mengetahui bahawa Moody's menarik balik penarafannya itu atas sebab perniagaan firma penarafan itu sendiri dan bukannya atas sebab perniagaan syarikat pembangunan strategik kerajaan berkenaan.

"1MDB ingin menjelaskan bahawa langkah menarik balik itu dibuat tanpa penurunan dalam penarafan kredit "Aa2" Moody's untuk Nota Tenaga.

"Nota Tenaga itu terus mendapat manfaat daripada penarafan "AA" daripada Standard and Poor's," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini bagi mengulas mengenai tindakan menarik balik penarafan Moody's itu.

1MDB berkata, penarafan kredit "Aa2" oleh Moody's bagi Nota Tenaga kekal sah hingga langkah menarik balik penarafan, yang mana ia dilakukan tanpa membabitkan penurunan penarafan kredit Nota Tenaga.

Berdasarkan kepada Dasar Menarik Balik Penarafan Kredit Moody's, tindakan dibuat atas sebab perniagaan firma penarafan itu, ia secara umumnya tidak mencerminkan sebarang kebimbangan mengenai keyakinan entiti yang diberi penarafan atau kualiti pengurusannya.

Keputusan Moody's untuk menarik balik penarafan berdasarkan keadaan itu akan cuba untuk mengimbangi manfaat maklumat kepada peserta pasaran daripada mengekalkan penarafan kredit terhadap sumber yang diperlukan untuk mengekalkan dan memantau bahawa penarafan kredit atau pertimbangan perniagaan yang lain.



Selasa, 14 Jun 2016

8. Najib nafi ganggu siasatan 1MDB

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menafikan mengganggu proses undang-undang berhubung siasatan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) seperti didakwa Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua yang lain. Menerusi pernyataan pembelaan terhadap kes saman difailkan

Dr Mahathir, Najib turut menyatakan tidak pernah menggunakan kedudukannya yang dikatakan sebagai penjawat awam, untuk memastikan pelbagai kementerian dan jabatan yang dikatakan menjalankan siasatan terhadap dakwaan salah laku atau kecuaiannya yang didakwa dilakukannya. "Saya tidak pernah menyalahgunakan kedudukan sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Pengerusi BN (Barisan Nasional) dan Presiden UMNO untuk meneruskan amalan rasuah seperti yang didakwa.

"Selaku Pengerusi BN dan Pengerusi UMNO pula, saya tidak menjalankan tugas sebagai penjawat awam seperti yang didakwa defendan. Dengan itu, plaintif perlu membuktikan semua dakwaan yang dibuat mereka," katanya. Najib menegaskan, tidak wujud elemen salah laku dalam writ saman dan pernyataan tuntutan defendan yang mendakwa beliau melakukan perbuatan salah laku berkaitan kes 1MDB dan dana RM2.6 bilion.

Najib memfailkan pernyataan pembelaan itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi melalui peguamnya semalam, dan diserahkan kepada media hari ini. Selain Dr Mahathir, turut bertindak sebagai plaintif dalam kes saman itu ialah bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas ahli Wanita UMNO Langkawi, Anina Saadudin. Mereka memohon pengisytiharan Najib melakukan perbuatan salah laku dalam jawatan awam sebagai Perdana Menteri,

Pengerusi BN dan Presiden UMNO dengan mengganggu siasatan dakwaan salah laku kewangan berhubung 1MDB serta syarikat berkaitan, selain siasatan aliran masuk RM2.6 bilion dan RM42 juta dari SRC International ke dalam akaun peribadinya. Dr Mahathir, Khairuddin dan Anina turut memohon perintah Najib membayar ganti rugi teladan berjumlah RM2.6 bilion dan ganti rugi berpanjangan berjumlah RM42 juta yang dibayar kepada Kerajaan Malaysia.



Selasa, 14 Jun 2016

9. 1MDB: IPIC, AABAR kemuka permintaan timbang tara

KUALA LUMPUR: International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS dari Abu Dhabi mengemukakan Permintaan Timbang Tara (RFA) kepada Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London, menurut 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Dalam kenyataan hari ini, syarikat itu berkata, pihaknya dan penasihat undang-undangnya akan meneliti RFA sebaik ia menerima satu salinan.

Dana pelaburan strategik itu menegaskan bahawa tanpa mengambil kira pertikaian dengan IPIC, ia mempunyai kedudukan mudah tunai yang kukuh dan mampu melunaskan obligasi hutang semasanya.

Menurut kenyataan kepada Bursa Saham London oleh IPIC GMTN Limited, RFA melibatkan kegagalan 1MDB dan Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MOF Inc) untuk melaksanakan obligasi kontrak mereka di bawah Lembaran Terma Terikat (BTS).

Kegagalan 1MDB dan MOF Inc untuk melaksanakan kewajipan mereka, menyelesaikan keingkaran mereka atau mengemukakan cadangan yang boleh diterima menyebabkan IPIC berada pada kedudukan yang ia perlu meneruskan tuntutannya melalui timbang tara.

Jumlah yang dituntut oleh IPIC/Aabar adalah kira-kira RM26.5 bilion.

Tuntutan itu akan ditentukan oleh tribunal timbang tara yang akan terdiri daripada tiga penimbangtara menurut Lembaran Terma Terikat dan Peraturan LCIA.

10. Penggunaan IoT dijangka catat pertumbuhan ketara menjelang 2021

KUALA LUMPUR: Malaysia bakal menyaksikan pertumbuhan ketara penggunaan peranti internet kebendaan (IoT) menjelang 2021 selaras dengan penerimaannya di negara maju lain seluruh dunia.

Berdasarkan Laporan Mudah Alih Ericsson terbaru, IoT dijangka mula mengatasi segmen telefon pintar sebagai kategori peranti sambungan internet terbesar menjelang 2018.

Bahkan laporan itu turut menyatakan kadar pertumbuhan penggunaan peranti IoT akan terus melonjak mencecah 16 bilion peranti menjelang 2021 berbanding 28 bilion peranti akses internet keseluruhan dunia ketika itu.

Ketua Ericsson Malaysia dan Sri Lanka, Todd Ashton, berkata dunia menyaksikan pertumbuhan ketara IoT susulan kos peranti yang semakin berdaya saing dan pengenalan penyatupaduan penggunaan antara peranti.

Katanya, pertumbuhan ketara turut disaksikan di Malaysia apabila sebahagian besar industri mula menggunakan teknologi digital untuk menginovasikan perniagaan lebih-lebih lagi dengan pengukuhan rangkaian 4G.

"Menjelang 2019, LTE 4G akan menjadi akses teknologi mudah alih yang utama di Malaysia dan seluruh dunia, bahkan Malaysia juga menyaksikan jumlah pengguna telefon pintar yang tinggi, mengatasi penggunaan telefon biasa pada tahun lalu.

"Kami menjangkakan pelanggan telefon pintar di Malaysia akan melonjak dua kali ganda kepada 40 juta menjelang 2021, berbanding hanya 25 juta tahun lalu," katanya pada sidang media pengumuman secara langsung laporan itu di sini, hari ini.

Laporan Mudah Alih Ericsson turut menyatakan golongan pertengahan di Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, dan Vietnam akan memacu permintaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi khususnya bagi kawasan kediaman.

Langganan jalur lebar tetap, bagi pelanggan kediaman dan perniagaan kini sudah pun mencapai penembusan 30 peratus dan dijangka akan meningkat sekitar 10 peratus setahun menjelang 2021.

Bahkan Malaysia juga akan menyaksikan lonjakan langganan LTE kepada 61 peratus menjelang 2021 berbanding 21 peratus ketika ini.

Info:

Jumlah Peranti Sambungan Internet Menjelang 2021 : 28 bilion

1.5 bilion - IoT berasaskan selular

14.2 bilion - IoT berasaskan bukan selular

1.8 bilion - PC/laptop/tablet

8.6 bilion - Telefon Mudah Alih

1.4 bilion - Telefon Talian Tetap



Rabu, 15 Jun 2016

11. 24 syarikat layak bida pakej kerja sistem LRT 3

KUALA LUMPUR: Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) mengumumkan 24 syarikat berjaya layak untuk membida pakej kerja sistem projek LRT 3.

Pengumuman fasa kedua itu merangkumi tiga pakej kerja berkaitan sistem iaitu kerja trek dan konduktor kuasa rel, peralatan depoh dan kenderaan penyelenggaraan trek serta sistem tiket automatik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana, Datuk Azmi Abdul Aziz, berkata semua syarikat yang dikenal pasti layak dalam fasa pra kelayakan berdasarkan kriteria penilaian berasaskan kewajaran dan keupayaan.

Katanya, ia seperti mana yang dimaklumkan di dalam iklan sebelum ini dan kini mereka akan bersaing untuk pakej berkenaan.

"Proses tender kini giat dijalankan dan kami mahu mengulangi komitmen bahawa semua pihak akan mematuhi piawaian integriti yang tinggi sepanjang pelaksanaan projek," katanya pada pengumuman pemohon yang layak untuk pakej kerja sistem hari ini.

Pada 4 Mei lalu, Prasarana mengumumkan hasil pra kelayakan tender bagi projek LRT 3 sejauh 37 kilometer.

Kumpulan pertama syarikat yang layak dalam pra kelayakan bagi tender proses turut diumumkan.

Setiap pemohon dinilai berdasarkan struktur individu syarikat, maklumat kewangan, bukti pengalaman, struktur pelaksanaan projek dan faktor lain untuk melayakkan diri.

Tempoh tender bermula awal bulan lalu, serentak pengumuman fasa satu dan akan berakhir apabila anugerah terakhir dijadualkan pada suku kedua 2017.



Rabu, 15 Jun 2016

12. 1MDB miliki lebih dana RM2.3 bilion

SUNGAI BESAR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) ketika ini mempunyai lebih dana sebanyak RM2.3 bilion selepas melaksanakan pelan rasionalisasi jangka pendek.

Presiden dan Pengarah Kumpulan Eksekutifnya, Arul Kanda Kandasamy, berkata ia diperoleh selepas membayar semua hutang bank dan pinjaman bank, hasil penjualan aset tenaga dalam Edra Global Energy Bhd kepada China General Nuclear Power Corporation (CGN Group), selain 60 peratus ekuiti di Bandar Malaysia Sdn Bhd.

"1MDB masih menguasai 40 peratus ekuiti Bandar Malaysia, malah kita masih menguasai pegangan 100 peratus tanah di Tun Razak Exchange (TRX), Air Hitam di Pulau Pinang dan Pulau Indah di Selangor.

"1MDB masih pegang semua aset ini. Kita kecewa kerana isu 1MDB dieksploit dan dipolitikkan oleh pihak yang mempunyai motif tersembunyi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel dalam Wacana Isu Semasa Negara Bersama Penjawat Awam Dewan Sekolah Menengah Agama Pasir Panjang, di sini, hari ini.

Turut menjadi ahli panel, Datuk Ibrahim Saad dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, manakala Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan selaku perantara.

Arul berkata, masalah ketidaksepadanan aliran disebabkan bayaran faedah pinjaman dihadapi syarikat pelaburan strategik milik kerajaan itu adalah perkara biasa dalam perniagaan, yang turut dihadapi oleh banyak syarikat besar lain.

"Kita mengakui hutang 1MDB bermula apabila syarikat itu membuat pinjaman bagi pembelian aset jangka masa panjang seperti penjana tenaga bebas (IPP), pegangan ekuiti projek Bandar Malaysia, pembelian tanah TRX, pembelian tanah di Air Hitam di Pulau Pinang dan Pulau Indah di Selangor.

"1MDB membuat pinjaman, maka faedah perlu dibayar termasuk nilai pinjaman mengikut jadual," katanya.

Beliau berkata, hutang 1MDB pada tahun 2009 hanya RM5 bilion dan meningkat kepada RM6.8 bilion pada tahun 2010, RM8 bilion (2011), RM36 bilion (2013), RM42 bilion (2014) dan RM50 bilion setakat tahun ini.

"Harus diingat 1MDB bermula dengan suntikan dana RM1 juta tetapi kita sudah ada aset terkumpul RM50 bilion. Pada masa sama, Yayasan 1MDB juga menyalurkan dana RM600 juta bagi tujuan amal," katanya.



Selasa, 28 Jun 2016

13. Rumah pangsa, pangsapuri di Selangor tidak diselenggara dengan baik

KUALA SELANGOR: Kebanyakan rumah pangsa dan pangsapuri di Selangor tidak diselenggara dengan baik menyebabkannya berada dalam keadaan uzur.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata ia disebabkan sikap lepas tangan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam soal penyelenggaraan, sehingga sesetengahnya membahayakan nyawa penduduk, terutama kanak-kanak.

"Menteri Besar (Selangor) sepatutnya turun tinjau sendiri masalah penghuni. Ketika saya menjadi Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Persekutuan bagi negeri ini, saya selalu turun tengok ada yang lif rosak, pagar besi sudah reput dan macam-macam lagi.

"Saya sedih tengok keadaan mereka (penduduk). Mereka bayar cukai pintu dan juga penyelenggaraan, tetapi mereka tidak dapat menikmati hidup yang selesa.

"Isu yang membelenggu penduduk rumah pangsa dan pangsapuri tidak akan berlaku jika kerajaan negeri dan PBT tidak bersikap acuh tidak acuh. Saya diberitahu mereka sudah banyak kali mengadu kepada wakil kerajaan negeri, tetapi langsung tiada tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Berbuka Puasa Bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Persekutuan Parlimen Tanjung Karang serta Ketua Jabatan Daerah Kuala Selangor, di sini, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang, berkata pihaknya menjangkakan akan berdepan masalah mendapatkan kelulusan penggunaan tanah bagi pembinaan projek rumah mampu milik di Lembah Klang.

Malah, beliau berkata, menteri terdahulu (Datuk Abdul Rahman Dahalan) sudah memberi amaran mengenai kesukaran untuk melaksanakan projek terbabit.

"Saya ada berjumpa beliau (Abdul Rahman) dan beliau mengakui sukar untuk laksanakan rumah mampu milik di Selangor dan Lembah Klang.

"Saya tahu sikap PKR Selangor dalam isu projek Kerajaan Persekutuan. Saya tahu akan ada sekatan. Sebagai contoh projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Setia Alam. Walaupun Kerajaan Persekutuan sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta, kerajaan negeri kenakan pula bayaran premium tanah sebanyak RM4 juta," katanya.



Selasa, 28 Jun 2016

14. KFMH dapat kontrak MAB bernilai RM42.99j

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik 80 peratus UEM Edgenta Bhd, KFM Holdings Bhd (KFMH) berjaya mendapat kontrak bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti kepada Malaysia Airlines Bhd (MAB) bernilai RM42.99 juta.

Kontrak berkenaan meliputi perkhidmatan pengurusan fasiliti yang komprehensif bernilai RM33.17 juta, perkhidmatan pengurusan hotel (RM4.12 juta), perkhidmatan surat menyurat (RM1.24 juta), kafeteria (RM365,400) dan dana luar jangka (RM4.1 juta).

UEM Edgenta dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, berkata tempoh kontrak adalah selama 34 bulan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam syarat-syarat kontrak.

Transaksi ini dijangka akan menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih sesaham Edgenta UEM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 hingga 31 Disember 2018

15. PTP labur RM8.6 bilion pertingkat kapasiti



PELABUHAN Tanjung Pelepas (PTP). - Foto Zulkarnain Ahmad Tajuddin

GELANG PATAH: Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), anak syarikat MMC Corporation Bhd bakal melabur lebih RM8.6 bilion bagi rancangan menambah baik kapasiti pelabuhan itu bagi tempoh lima hingga 15 tahun akan datang.

Pengerusinya, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh, berkata sebagai pelabuhan berkembang pesat di dunia, pelabuhan itu bagi memastikan PTP kekal kompetitif dan menjadi antara pelabuhan pilihan pelabur di Asia.

Katanya, rancangan meningkatkan kapasiti PTP itu adalah dengan menaik taraf pelabuhan secara menyeluruh termasuk kren dermaga, gantri beroda getah (RTG) dan penggantian kelengkapan sedia ada bagi meningkatkan kapasiti pengendalian kontena.

"PTP merancang meningkatkan pengendalian kapasiti daripada 10.5 juta TEU (unit bersamaan 20 kaki) ketika ini kepada 13.2 juta setiap tahun.

"Ia akan disusuli pembangunan fasa ketiga pelabuhan yang dijangka bermula pada tahun 2018, membabitkan pembinaan enam dermaga baharu," katanya selepas lawatan kerja Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ke PTP dan menyempurnakan majlis Tijarah Ramadan, di sini malam tadi.

Che Khalib berkata, enam dermaga dengan sepanjang tiga kilometer akan dibina pada fasa 3A dan 3B bagi meningkatkan pengendalian kapasitinya kepada 22.2 juta TEU sebelum tahun 2030.

Ketika ini, PTP mengendalikan 14 dermaga sejauh lima kilometer yang menjadikan ia hab pindah kapal utama di rantau ini.

PTP mencatat pelbagai kejayaan sepanjang tahun lalu selepas berjaya mencatat rekod pengendalian bulanan 800,000 TEU pada Ogos 2015, selain dinamakan pemenang Anugerah Pelabuhan Terbaik Malaysia 2014.



Khamis, 30 Jun 2016

16. Projek sambungan LRT tepati bajet



PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana), Datuk Azmi Abdul Aziz. - Foto Zulfadhli Zulkifli

SUBANG: Projek sambungan aliran transit ringan (LRT) Ampang dan Kelana Jaya, yang akan beroperasi sepenuhnya Khamis ini berjaya disiapkan mengikut bajet ditetapkan, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana), Datuk Azmi Abdul Aziz.

"Kami masih belum menutup akaunnya lagi, namun saya berasakan projek ini berada di dalam bajet yang ditetapkan iaitu sebanyak RM8 bilion," katanya pada taklimat media perkembangan terkini projek sambungan LRT jajaran Ampang dan Kelana Jaya di Stesen LRT Putra Heights, dekat sini, hari ini.

Projek yang dimulakan sejak lima tahun lalu itu akan melakar satu lagi sejarah baharu dalam sektor pengangkutan awam Malaysia sebaik saja beroperasi penuh, Khamis ini.

Sambungan LRT jajaran Ampang dan Kelana Jaya akan memberi manfaat kepada jutaan penduduk Lembah Klang, khususnya di Subang Jaya serta Puchong memandangkan laluan berkenaan boleh digunakan sehingga ke pusat bandar Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, Azmi berkata Prasarana menjangkakan pertambahan sehingga 300,000 penumpang sehari apabila sambungan LRT beroperasi sepenuhnya kelak.

"Sasaran bagi jajaran Kelana Jaya adalah pertambahan seramai 170,000 penumpang sehari, manakala bagi jajaran Ampang pula adalah seramai 130,000 penumpang sehari," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, semasa projek sambungan LRT dirancang pada tahun 2009, Prasarana ada menetapkan sasaran impak ekonomi yang boleh dijana daripadanya.

Namun, katanya, Prasarana melihat angka impak ekonomi yang disasarkan itu sudah meningkat antara 20 peratus hingga 30 peratus berbanding unjuran awalnya sebelum ini.

"Peningkatan itu disebabkan pertambahan kepadatan penduduk (di sepanjang kawasan sambungan LRT) sejak ia mula dilancarkan dan apabila selesai sepenuhnya, Khamis ini.

"Ini akan meningkatkan kegiatan ekonomi (penduduk sekitar) dan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan terbabit," katanya.

Azmi berkata, pihaknya masih belum memuktamadkan angka sebenar impak ekonomi projek sambungan LRT Ampang dan Kelana Jaya, namun ia dijangka dapat diketahui dalam tempoh dua hingga tiga bulan selepas perkhidmatan itu beroperasi.

Sebahagian daripada sambungan projek sambungan LRT jajaran Ampang sudah pun beroperasi pada Oktober lalu membabitkan stesen Awan Besar, Muhibbah, Alam Sutera dan Kinrara B5, manakala empat lagi stesen iaitu IOI Puchong Jaya, Pusat Bandar Puchong, Taman Perindustrian Puchong dan Bandar Puteri beroperasi 31 Mac lalu.

Baki tiga stesen jajaran Ampang dan 12 stesen jajaran Kelana Jaya akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Khamis ini di Stesen LRT Putra Heights.